

'Masa tak kena lagi' fikirkan masa depan dalam politik

KUALA LUMPUR 22 Jun — Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata "masa tak kena lagi" baginya untuk memikirkan masa depan beliau dalam politik UMNO.

Jawapan yang diberi beliau mungkin mempunyai asas kerana jawatan Menteri Luar lazimnya akan menjarakkan masa penjawat itu dengan politik.

Portfolio itu mengkehendaki Syed Hamid menghadiri pelbagai persidangan di luar negara.

Contohnya semasa Perhimpunan Agung UMNO bermula Selasa lalu Syed Hamid berada di Cambodia kerana menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN (AMM). Beliau hanya muncul pada hari perasmian persidangan itu, Khamis.

Hari ini para pemberita bertanya kepadanya adakah beliau berhasrat bertanding jawatan Naib Presiden UMNO pada pemilihan parti tahun depan, jawapannya:

"Saya tidak ada masa untuk memikirkan tentang perkara ini. Masa tak kena. Bila kena pada masanya, saya akan buat keputusan."

Walaupun jawapan itu mungkin mempunyai asas, tetapi perlu diingat Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebelum memegang jawatan sekarang juga ialah seorang Menteri Luar.

Menjawab lagi soalan pemberita selepas merasmikan kursus Kepimpinan Pertubuhan Belia 2003 di Wisma Belia di sini, beliau berkata: "Jika ada masa sekalipun, saya mahu beri tumpuan untuk mengukuhkan parti dan menghadapi pilihan raya umum yang dijadual diadakan sebelum bulan November tahun depan."

Beliau ditanya sama ada akan bertanding untuk jawatan Naib Presiden UMNO pada pemilihan parti tahun depan berikutan andaian akan wujud kekosongan salah satu daripada tiga jawatan Naib Presiden itu.

Kekosongan itu berikutan andaian bahawa salah seorang daripada tiga Naib Presiden yang ada sekarang, akan dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri serta Timbalan Presiden parti apabila Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bersara dari kerajaan dan parti Oktober ini.

Jawatan Dr. Mahathir itu akan diambil oleh Timbalannya Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi.

Jawatan Naib Presiden UMNO itu kini dipegang oleh Tan Sri Muhyiddin Yassin, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Tan Sri Muhammad Mohd Taib.